

Surat kiriman tidak rasmi

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang sesuai.

menceritakan

keindahan

mempelawa

melawat

seronok

dikunjungi

tumpuan

menikmati

menarik

membawa

Lot 234, Lorong Bukit Emas,
75400 Ayer Keroh,
Melaka.

16 Ogos 2021

Assalamualaikum.

Menemui sahabatku, Fatimah yang kini berada di Labuan, Sabah. Semoga sihat sentiasa.

Saudari,

Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk _____ tempat-tempat menarik di Melaka. Untuk makluman saudara, di Ayer Keroh terdapat banyak tempat yang menarik untuk _____. Antaranya, Zoo Melaka, Taman Rama-rama, Taman Buaya dan Muzium Lebah.

Di Bandar Hilir pula, saudara boleh _____ bangunan-bangunan bersejarah seperti Kota A Famosa, Istana Melaka dan Menara Taming Sari. Saya yakin saudara pasti _____ jika dapat menyusuri Sungai Melaka dengan menaiki bot.

Selain itu, kita boleh menikmati _____ pantai yang menarik di Melaka. Antara pantai yang menjadi _____ pelancong ialah Tanjung Bidara dan Pangkalan Balak. Pada sebelah malamnya, kita dapat _____ kelazatan ikan bakar di restoran terapung di Umbai.

Saya ingin _____ saudara dan keluarga berkunjung ke Melaka. Saya akan _____ saudara melawat ke tempat-tempat _____ yang saya sebutkan di atas.

Sampai sini sahaja yang dapat saya coretkan. Sampaikan salam saya kepada keluarga saudara di sana.

Yang benar,
Diana